

23 NOV 2002
IPF-AGM/I
ABDULLAH AKAN RASMI AGM IPF ESOK

KUALA LUMPUR, 23 Nov (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan merasmikan perhimpunan agung tahunan Barisan Kemajuan India Se-Malaysia (IPF) di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini esok.

Perhimpunan agung ke-10 parti itu bertema "Bersama-sama Kita Berjuang Demi Masa Depan Lebih Baik" akan dihadiri kira-kira 5,000 perwakilan, kata Presiden IPF Datuk M.G. Pandithan hari ini.

"Perhimpunan pada kali ini akan menumpukan pada isu-isu penting yang dihadapi masyarakat India di negara ini terutamanya dalam bidang pendidikan, ekonomi, politik dan sosial," katanya kepada Bernama.

Beliau berkata para perwakilan dijangka akan menghabiskan sebahagian besar masa pada perhimpunan sehari itu bagi membahaskan masalah sosial yang melanda masyarakat itu dan masalah disiplin di kalangan generasi muda India di negara ini.

"Belia India perlu berusaha keras sekiranya mereka mahu berjaya dalam persekitaran yang amat mencabar ini...kami menjangkakan para perwakilan membincangkan perkara ini dengan mendalam dan memberikan cadangan mengenai bagaimana masalah sosial di kalangan belia India dapat diatasi," katanya.

Isu lain yang dijangka turut dibincangkan pada perhimpunan itu ialah penolakan permohonan IPF untuk menyertai Barisan Nasional (BN).

Parti itu telah beberapa kali mengemukakan permohonan untuk menyertai gabungan BN namun permintaan itu telah ditolak berikutan ketetapan BN yang memerlukan 14 parti gabungannya memberikan persetujuan sebelum mana-mana parti baru boleh diterima masuk.

"Walaupun kami kecewa kerana kami telah dibiarkan berada di luar gabungan BN bagi hampir satu dekad, namun kami tetap memberikan sokongan padu kami kepada pucuk pimpinan Barisan," kata Pandithan.

Beliau berkata parti itu dan anggotanya telah bekerja keras bagi BN dalam dua pilihan raya umum lepas dan yakin bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Abdullah akan mengambil langkah positif dan membuka pintu BN kepada IPF.

"Kami berharap pintu itu akan dibuka sebelum pilihan raya umum akan datang supaya anggota kami dapat sama-sama membantu bagi memastikan kemenangan calon-calon BN," katanya.

-- BERNAMA
SR ZS RHM